

# Kupasan dan Ulasan

## Yahudi Israel Mengkhianati al-Qur'an al-Karim

(Oleh: Abdullah Basmeh)

Dalam lawatannya ke Tanah Melayu tidak berapa lama dahulu, Faqīlat al-Sheikh Mahmoud Shaltut, telah menerangkan kepada Menteri Pelajaran Encik Abdul Rahman Talib, tentang tanda-tanda untuk mengenal naskhah-naskhah Qur'an palsu yang telah dicetak dan sedang ditaburkan oleh musuh-musuh Islam.

Beliau meminta supaya umat Islam di sini berjaga-jaga daripada terkena membeli atau menerima naskhah-naskhah Qur'an yang telah dipalsukan itu.

Tetapi sayang, akhbar-akhbar tempatan yang menyiarkan berita itu tidak pula menyiarkan keterangan yang lengkap tentang Qur'an yang dipalsukan itu, dan siapakah dia musuh Islam itu yang telah memalsukan al-Qur'an?

Sekarang tanda tanya itu sudah berjawab.

Rupanya musuh Islam yang telah mencetak dan menyiarkan naskhah-naskhah kitab suci al-Qur'an yang telah dipalsukan itu ialah Yahudi Israel, demikian menurut siaran akhbar dan majalah-majalah Timur Tengah.

Menurut harian "al-Akhbār" dan juga majalah "Akhir Sā'at" di Kaherah, bahawa tembelang Yahudi telah diketahui oleh Kedutaan Republik Arab Bersatu di Maghribi yang telah bersegera memberitahu tentang pengkhianatan Yahudi itu kepada Kementerian Wakaf di Kaherah dan kepada Majlis Tinggi al-Azhar.

Kedutaan Republik Arab Bersatu telah membeli beberapa buah naskhah Qur'an yang telah dipalsukan itu lalu dihantarkan ke Azhar untuk diperiksa.

Menurut beritanya, bahawa Yahudi Israel dengan kerjasama penjajah Perancis di Afrika Utara telah mencetak sejuta naskhah kitab suci al-Qur'an setelah mengugurkan huruf ((lam)) (yang bermakna ((tidak)) atau ((jangan)) dalam ayat-ayatnya. Misalnya kalau di dalam al-Qur'an tersebut ((*Lā yuhallu lakum*)) *kadhā wa kadhā* (tidak halal bagi kamu itu dan ini) maka di dalam naskhah Qur'an yang telah dipalsukan itu, huruf ((lam)) itu telah digugurkan lalu bertukar maknanya menjadi ((*yuhallu lakum*)) (dihalalkan bagi kamu).

Naskhah-naskhah Qur'an yang telah dipalsukan itu telah disebarluaskan ke negeri-negeri Afrika seperti negeri Maghribi, Ghana, Guinea, Mali dan negeri-negeri Afrika yang lain.

### Seruan Sheikh al-Azhar

Sebaik-baik sahaja berita itu sampai ke pengetahuan al-Azhar, maka dengan serta merta Sheikh al-Azhar, Faqīlat al-Sheikh Mahmoud Shaltut telah tampil menyeru umat Islam di seluruh dunia melalui siaran radio Kaherah supaya berjaga-jaga daripada pengkhianatan Yahudi Israel yang



*Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sedang menyampaikan hadiah kepada Tuan Haji Ahmad bin Muhammad Som, Pergau Kelantan, Johan Kebangsaan dan Antarabangsa dalam Pertandingan Bacaan Qur'an anjuran Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu baharu-baharu ini. Dalam gambar kelihatan juga Encik Saadon bin Haji Zubair, wakil Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan (Tuan Syed Jaafar Albar), dan Tuan Syed Osman bin Ali Pengerusi Majlis yang permai itu yang telah disaksikan oleh kira-kira 25,000 orang di Stadium Merdeka Kuala Lumpur.*

menjadi anak emas penjajah.

**hendak meruntuhkan binaan dan pertubuhan umat Islam**

Dalam seruannya itu, beliau berkata antara lain:

melalui jalan siyasah dan penjajahan.

## **“Niat busuk Yahudi Israel dan tujuannya yang**

## **“Pengkhianatan yang sedemikian dilakukan oleh**

jahat terhadap agama tuan-tuan terbuka tembelangnya dengan perbuatannya mencetak al-Qur'ān al-Karīm, kitab Allah yang mulia, dalam bentuk yang dipalsukan lalu disiarkan di Asia dan di Afrika. Tujuhan Yehudi Israel berbuat demikian jalah

**Israel ialah kerana dia mengetahui bahawa penguasaan terhadap hati dan akal itulah yang menjadi alat yang meruntuhkan, yang dapat meranapkan binaan orang perseorangan dan umat umat manusia.”**

**kerana hendak merosakkan agama tuan-tuan dan iktikad tuan-tuan**

**setelah dia (Yahudi Israel) gagal dalam pengkhianatannya**

Sheikh Mahmoud Shaltut telah menutup seruannya itu

dengan meminta umat Islam seluruhnya supaya bersatu padu

dalam satu barisan untuk menghancurkan angkara dan

tiga puluh juzuk dalam tiga puluh piring hitam

pengkhianatan Yahudi bedebah itu!

(tiap-tiap satu piring mengandungi satu juzuk) hingga

### **Menentang Pengkhianatan Yahudi**

tamat sekhatam sebanyak tiga puluh juzuk.

Bagi menentang pengkhianatan Yahudi, Kementerian

Juzuk yang pertama (*Alif lam mim*, al-Baqarah) telah pun siap

Wakaf Republik Arab Bersatu akan menghantarkan piring-piring

dirakamkan dengan suara al-Shaykh Mahmoud al-Hussary, ketua

hitam yang mengandungi bacaan al-Qur'an al-Karim kepada negara-negara


qari-qari Mesir.

Afrika dan negara-negara lain di Asia.

Juzuk yang kedua akan dirakamkan dengan suara al-Shaykh

Kementerian Wakaf sedang merakamkan al-Qur'an yang

Kamil Yusuf Al-Bahtimi, dan juzuk yang ketiga dengan



*Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tun Abdul Razak bin Hussein, sedang menerima 200 naskah*

*kitab suci al-Qur'an daripada Menteri Hal Ehwal Agama Indonesia, Tuan Wahib Wahab semasa*

*berlangsungnya Pertandingan Bacaan al-Qur'an peringkat kebangsaan dan antarabangsa dari 20 hingga 24 Ramadhan 1380*

*(7-11 Mac 1961) yang lalu.*

suara al-Sheikh Mustafa Ismael, dan begitulah seterusnya hingga khatam, dengan menggunakan suara qari-qari Mesir yang terkenal.

Menurut al-Shaykh Sayyid Sabiq, Pengarah Jabatan Kebudayaan di Kementerian Wakaf Republik Arab Bersatu, bahawa rakaman-rakaman di piring hitam itu, dibuat dengan bacaan biasa, seperti bacaan seseorang ayat-ayat Qur'an di dalam sembahyang, supaya lebih diterima oleh segala lapisan umat Islam.

Kementerian Wakaf telah pun berurus dengan syarikat-syarikat perakam piring hitam untuk merakamkan beribu-ribu piring hitam yang akan dihadiahkan kepada jabatan-jabatan siaran radio di seluruh dunia dan akan terus menerus merakamkan yang tinggal dalam negara-negara yang merdeka dan juga dalam negara-negara yang terjajah.

Selain daripada itu, piring-piring hitam itu akan disediakan dengan banyaknya sehingga dapat dibeli oleh orang ramai dengan harga yang semurah-murahnya iaitu kira-kira 40 qurush (atau kira-kira \$3.20 wang kita di Tanah Melayu) bagi tiap-tiap satu piring hitam yang membuat satu juzuk al-Qur'an al-Karim.

#### **Naskhah-naskhah Qur'an Palsu telah Dibakar**

Menurut berita akhir, naskhah-naskhah Qur'an palsu yang telah dicetak dan diseludupkan oleh Yahudi itu banyak yang telah dipungut dan telah dibakar. Kerajaan Republik Arab Bersatu sedang mencetak beribu-ribu naskhah kitab suci al-Qur'an al-Karim yang akan dimeterikan dengan cop mohor al-Azhar dan akan dihantarkan ke negeri-negeri Islam dan diseleudpi oleh Qur'an palsu cetakan Yahudi



*Al-Shaykh Mahmoud Khalil al-Hussary Ketua Qari-qari*

*Republik Arab Bersatu yang terkenal sedang membaca al-Qur'an al-Karim dengan suaranya yang merdu.*

*Beliau telah menjelajah Tanah Melayu baharu-baharu ini dan telah menjadi seorang hakim dalam Pertandingan Bacaan al-Qur'an peringkat antarabangsa yang telah berlangsung dengan jayanya di Kuala Lumpur pada bulan Ramadān yang lalu.*

itu.

Mubaligh-mubaligh Islam akan dihantarkan juga dengan banyaknya untuk memberi tabligh dan penerangan.

#### **Pertalian Yahudi Dengan Qadiani**

Qadiani juga telah mengkhianati kitab suci al-Qur'an al-Karim dengan mengadakan kitab-kitab tafsir yang memutarkan maksud Qur'an yang asal.

Majalah Mesir “*al-Shubbān al-Muslimin*” (Pemuda Islam) keluaran bulan Mac 1961 yang lalu, tatkala memberitakan pengkhianatan Yahudi ini telah menyinggung tali barutnya – kaum Qadiani, seperti berikut:

“Kaum Qadiani juga telah bekerja untuk memutarkan isi al-Qur’ān dan tafsirnya. Mereka mengatakan “Masjid al-Aqsa” yang tersebut di dalam al-Qur’ān itu ialah “Masjid Qadiani” (di Pakistan).

“.... dusta pesuta<sup>1</sup> ini telah disiarkan oleh ((Ahmadiyah Lahore)) (Pecahan Ahmadiyah Qadiani) dan surat khabarnya yang bernama ((Begum Solah)).

“Pertubuhan ((Ahmadiyah Lahore)) yang tersebut dipimpin oleh pemimpin mereka ((Muhammad Ali)) yang telah melakukan sebesar-besar jenayah dengan perbuatannya memutarkan maksud al-Qur’ān ketika dia menterjemahkannya dalam bahasa Inggeris dan menerbitkannya dalam bentuk yang cantik supaya dapat memperdaya orang-orang yang jahil (yang buta dalam pengetahuan Islam).

“Tidaklah pelik Yahudi Ṣahyūniyya (Zionis) melakukan jenayah mengkhianati al-Qur’ān. Dan tidak juga pelik kaum Qadiani mengkhianati kitab suci Rabb al-‘Ālamīn.

“Kerana pertalian di antara orang-orang Qadiani dan Yahudi Israel sangat teguh perhubungannya. Semenjak Inggeris memegang teraju pemerintahan Palestin dan kemudian di bawah *ru’āyi* Yahudi Israel, kaum Qadiani telah didirikan untuk mereka pusat penyebaran agama Qadiani di ((Jabal al-Karmel)) di Haifa, dan Inggeris bersama-sama Yahudi telah menolong mereka untuk menyesatkan sekumpulan orang-orang Arab penduduk desa ((al-Kababir))

di Palestin,” kata Majalah ((*al-Shu’ban al-Muslimin*)).

Seyogia disebut, majalah ini ialah lidah rasmi ((Pertubuhan Pemuda Islam)) atau ((*Jam’iyah al-Shu’ban al-Muslimin*)) yang berpusat di Kaherah dan banyak cawangannya di seluruh Republik Arab Bersatu, yang dipimpin oleh pemimpin Islam yang terkenal Jeneral Saleh Harb dan Faḍīl al-Sheikh Ahmad al-Sharbasi, Mubaligh Islam yang masyhur.

**Langkah-langkah Untuk Mencegah Penyeludupan Yahudi**

Oleh kerana kisah pengkhianatan Yahudi Israel yang telah mengubah susunan ayat-ayat suci al-Qur’ān dan mencetak kemudian menyeludupkannya ke negeri-negeri Islam dan negeri-negeri yang berpenduduk Islam, telah pun disampaikan ke pengetahuan pihak yang berkuasa di Persekutuan Tanah Melayu oleh Faḍīlat al-Sheikh Mahmoud Shaltut sendiri, saya percaya langkah-langkah untuk mencegah penyeludupan Qur’ān cetakan Yahudi itu akan segera dijalankan terutama oleh jabatan-jabatan agama di seluruh Persekutuan Tanah Melayu dan juga oleh Majlis Penasihat Islam dan Mahkamah Syariah Singapura.

Negara Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura seyogia membuka mata dan menaruh cemburu terhadap pengkhianatan Yahudi Israel yang nampaknya sedang berjinak-jinak dan mulai menjalar pengaruhnya di Persekutuan Tanah Melayu dan di Singapura, demi kesucian agama Islam, agama rasmi negara Persekutuan Tanah Melayu, yang sudah tetap – *bihawlu Llāh* – akan menjadi agama rasmi Singapura juga!

---

<sup>1</sup> Kesalahan ejaan pada teks asal. Sebetulnya “pendusta”